

06/02/1998

HVD yakin eksport produk RM20 juta

Mokhtar Alias

SYARIKAT penerbitan drama tempatan yang baru membuka studio penggambaran terbesar di Cheras, HVD Entertainment, yakin dapat mempertingkatkan pasaran eksport drama dan telemovie bernilai RM20 juta (AS\$5 juta) dalam tempoh tiga sehingga lima tahun akan datang.

Ketika ini, pasaran eksport syarikat berkenaan di antara RM8.2 juta (AS\$2 juta) sehingga RM12.3 juta (AS\$3 juta) setahun.

Pengarah Urusannya, Sebastian Foo, berkata peningkatan itu hasil kejayaan mereka meneroka pasaran eksport baru di India, Pakistan, Korea Selatan, Afrika dan beberapa negara bekas Soviet Union, Timur Tengah, Amerika Latin dan Sepanyol.

"Ketika ini, drama dan telemovie yang diedarkan oleh HVD sudah ditayangkan di stesen televisyen negara Amerika Syarikat, Kanada, United Kingdom, China, Indonesia, Singapura, Taiwan, Macau, Thailand, Laos, Kemboja, Vietnam, Australia dan New Zealand," katanya ketika ditemui, baru-baru ini.

Dia berkata, dengan pembukaan pasaran baru itu, syarikat berkenaan dijangka dapat meningkatkan pendapatan kepada RM35 juta tahun ini, berbanding RM28 juta tahun lalu.

"Strategi kita bukan setakat tayangan televisyen tempatan semata-mata, malah berusaha meningkat eksport produk kita selaras dengan hasrat kerajaan supaya semua pihak perlu berusaha meningkatkan eksport masing-masing," kata Foo.

Menurutnya, tahun lalu syarikat itu menerbitkan kira-kira 2,500 program dan sebahagian daripada produksi itu dipasarkan ke luar negara.

"Semua program yang dihantar ke luar negara perlu dialih suara ke dalam bahasa sesuatu negara. Ini tidaklah rumit kerana kita mempunyai kepakaran," katanya.

Sebanyak 30 peratus ekuiti HVD Entertainment dimiliki oleh Khazanah Holdings Bhd, 30 peratus oleh pengarah eksekutif HVD, Adnan Zakaria dan bakinya sebanyak 40 peratus oleh keluarga Foo.

Mengenai studio HVD yang terletak di pinggir ibu negara itu, Foo berkata pihaknya membuat pelaburan sebanyak RM140 juta untuk melengkapkan pelbagai kemudahan di studio berkenaan.

Fasa pertama yang dibina dengan kos RM40 juta sudah siap. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, turut melawat studio itu, baru-baru ini.

Ada tiga lokasi utama di sini, iaitu replika perkampungan Melayu yang terletak di bahagian paling bawah. Kawasan ini menempatkan rumah kampung dari bahan kayu, beratap rumbia dan seni taman Melayu.

Kedua, bandar raya moden menempatkan replika hotel, hospital, bank dan banglo yang sesuai untuk cerita bermotif moden.

Manakala, ketiga ialah medan nostalgia yang menempatkan banglo zaman kolonial, bentuk balai polis yang terdapat pada zaman itu bersama sistem penjara tersendiri dan mahkamah.

Menurut Foo, selain kegunaan penerbitan HVD, studio berkenaan turut disewakan kepada penerbit drama dan filem sama ada tempatan atau luar negara.

Dia berkata, kemudahan studio itu membabitkan penggambaran dalaman dan luar yang mudah digunakan sepanjang masa.

"Kita tidak perlu bersedak dan berdepan dengan pelbagai risiko penggambaran di luar kerana semua kemudahan itu boleh dibuat di sini

dengan lebih mudah, selesa dan menjimatkan kos," katanya.

Fasa kedua membabitkan pembinaan bangunan pejabat HVD tiga tingkat yang dijangka siap hujung tahun ini.

Fasa ketiga ialah pembinaan bangunan 20 tingkat dengan menggunakan teknologi terkini yang dijangka siap pada penghujung 1999. Bangunan ini kelak bakal digunakan sebagai ibu pejabat syarikat berkenaan.

Foo berkata, HVD turut menjalinkan perkongsian dengan syarikat milik pelakon Jackie Chan, JC Group, yang antara lain menerbitkan rancangan televisyen untuk pasaran dunia.

"Usaha sama ini akan membolehkan rakyat Malaysia bekerja lebih rapat dan berkongsi pengalaman dengan mereka yang mahir dalam pelbagai bidang penerbitan di luar negara," katanya.

(END)